

Prestasi korporat diramal lebih baik tahun depan

Pemulihan dijangka menyeluruh dengan pelbagai sektor rekod pertumbuhan dua angka

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pendapatan korporat di Malaysia dijangka berada dalam landasan pemulihan pada 2026 selepas mencatatkan prestasi hambar tahun ini.

Menurut TA Securities, pendapatan syarikat di bawah liputannya diunjurkan meningkat 9.3 peratus pada 2026 dan 6.8 peratus pada 2027, berbanding hanya 0.3 peratus pada 2025.

Katanya, pemulihan pada 2026 dijangka menyeluruh dengan sektor pengangkutan, teknologi, hartanah, pembinaan, minyak dan gas serta penjagaan kesihatan diunjur merekodkan pertumbuhan dua angka.

“Momentum ini (dijangka) berterusan hingga 2027, memacu kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) pendapatan bagi 2024 hingga 2027 sebanyak 5.4 peratus. Sumbangan terbesar adalah daripada sektor pengangkutan, pembinaan, penjagaan kesihatan dan teknologi.

“Pertumbuhan sektor pengang-



kutan sebahagian besarnya ditunjukkan oleh pemulihan mendadak Capital A, yang pulih daripada kerugian besar akibat kesan kelemahan pandemik COVID-19,” katanya dalam laporan strategi tahunan 2026.

TA Securities berkata, sektor pembinaan pula dijangka mendapat manfaat daripada perbelanjaan fiskal yang berterusan untuk infrastruktur, pelaburan langsung swasta dan asing yang berdaya tahan serta keupayaan pemain bermodal-besar Malaysia untuk berkembang ke luar negara.

Pemulihan 2026 luas, pelbagai

Firma pembrokeran pasaran itu berkata, pendapatan penjagaan kesihatan pula semakin pulih daripada kerugian terendah dalam syarikat sarung tangan, yang kembali kepa-

da keuntungan berdasarkan kitaran permintaan, manakala pengendali hospital terus menggandakan pendapatan.

Sementara itu, katanya, sektor teknologi terus didorong oleh kitaran naik semikonduktor dan jumlah penyumberan luar pemasangan dan pengujian semikonduktor (OSAT) yang lebih tinggi.

TA Securities berkata, walaupun CAGR yang lebih sederhana sebanyak 4.8 peratus, sektor perbankan kekal sebagai penyumbang pendapatan yang dominan memandangkan pengaruhnya yang ketara dalam liputan dan pasaran saham Malaysia.

Katanya, bank-bank diunjurkan menyumbang 45.9 peratus daripada jumlah pendapatan dan 27 peratus daripada pertumbuhan pendapatan

ambahan bagi tahun kewangan 2026 dan 45.7 peratus daripada pendapatan dan 43.3 peratus daripada pendapatan tambahan bagi 2027..

Justeru, jelasnya, ia menunjukkan peranan penting sektor itu dalam membentuk prestasi pasaran keseluruhan, walaupun sektor pertumbuhan tinggi.

“Oleh itu, pemulihan dalam 2026 adalah luas dan pelbagai, namun campuran pendapatan terus disokong oleh sektor perbankan.

“Manakala, pemulihan kitaran dan cerita pertumbuhan struktur dalam sektor teknologi, hartanah, pembinaan, minyak dan gas serta penjagaan kesihatan menyediakan keluasan dan daya tahan yang diperlukan untuk mengekalkan pengembangan selama beberapa tahun,” katanya.